

## siaran media

UNTUK TERBITAN SEGERA  
KHAMIS 3 OGOS 2017

### **Geran gergasi TERAJU Superb Siri Kedua berjaya mengetengahkan kreativiti dan inovasi Bumiputera**

PETALING JAYA - Pencarian bakat-bakat bagi Superb Siri Kedua anjuran TERAJU khas untuk para usahawan Bumiputera untuk bertanding bagi geran berjumlah RM500,000 untuk idea-idea kreatif dan inovatif berjaya menarik minat lebih kurang 800 permohonan seluruh negara.

Sepanjang tempoh dua bulan, Superb Siri Kedua ini berjaya menyaksikan penyertaan daripada pelbagai sektor termasuk pertanian, pembuatan dan perkilangan, ciptaan baru, makanan dan minuman, elektrikal dan elektronik, minyak, gas dan tenaga serta daripada sektor perkhidmatan.

"Skim Permulaan Usahawan Bumiputera ini direka khas untuk membantu individu dan syarikat-syarikat baru untuk memupuk dan mengembangkan penemuan baru, idea atau ciptaan mereka ke arah model perniagaan yang berjaya," kata pengarah kanan TERAJU, Megat Mohd Yatim Megat Hamid.

Geran ini merupakan antara geran yang terbesar yang pernah ditawarkan untuk membantu merangsang bakat Bumiputera dalam usaha mengembangkan perniagaan mereka.

"Sejumlah besar daripada usahawan-usahawan muda ini telah berjaya dalam mengembangkan idea mereka serta turut berjaya menembusi pasaran eksport antarabangsa, sekaligus mengukir nama Malaysia di persada dunia.

Peserta-peserta Superb Business Challenge dikehendaki untuk menjaja idea mereka dengan mendemostrasikan prototaip/bukti konsep dan/atau mencapai tahap pengkomersialan.

"Dua ratus individu atau syarikat diperuntukan dengan pembiayaan sulung oleh TERAJU untuk memastikan para peserta dapat hidup, belajar dan berjaya dalam segala kemungkinan.

"Setakat ini, sejak Superb diperkenalkan pada tahun 2014, sebanyak 137 usahawan muda telah berjaya menerima geran permulaan berjumlah RM68.5 juta," tambah Megat Mohd Yatim.

Selain menawarkan dana, SUPERB turut menawarkan perkhidmatan pembangunan dan pengkomersilan, bantuan bimbingan (mentorship), latihan menambah baik kecekapan, dan kemungkinan pertambahan dana dari Rakan Kongsi Strategik untuk pemenang Superb.

Pemilihan pemenang dinilai oleh jawatankuasa TERAJU yang terdiri daripada usahawan-usahawan berjaya dalam bidang masing-masing.

Penilaian Superb Siri Kedua ini dijangka mengambil masa selama empat hingga enam minggu untuk dinilai dan para pemenang akan diumumkan sebelum suku ketiga tahun ini.

TERAJU turut mengumumkan bahawa Superb Siri Ketiga akan dilancarkan pada bulan September ini.

Para peserta yang belum bersedia dengan penemuan dan idea mereka di kesempatan ini dinasihatkan untuk terus berhubung dengan menulis kepada [superb.enquiry@teraju.gov.my](mailto:superb.enquiry@teraju.gov.my) atau terus mengikuti perkembangan terbaru di laman Facebook TERAJU di [www.facebook.com/terajuofficialpage](https://www.facebook.com/terajuofficialpage) untuk peluang seterusnya.

**SIARAN MEDIA** disediakan dan diedarkan bagi pihak **UNIT PENERAJU AGENDA BUMIPUTERA** oleh firma perunding perhubungan awam **GRA COMMUNICATIONS SDN BHD**. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Ghazalie Abdullah** +6017 336 1090 atau **Yusuf Abd Alim** +6013 250 5504 atau **Abd Azim Shakron** +6019 385 1095.

#### MENGENAI TERAJU

Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah ditubuhkan pada 8 Februari 2011 sebagai unit strategik di bawah Jabatan Perdana Menteri bertujuan menerajui, memacu dan menyelaras penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara.

Bertindak sebagai 'Game Changer', TERAJU dipacu berdasarkan lima teras di bawah Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera 2.0 (BETR 2.0) – iaitu, memperkuatkhan modal insan, menggalakkan pekerjaan dan pendapatan bernilai tinggi, meningkatkan saham Bumiputera dan nilai ekuiti korporat, memperkuuh keusahawanan, serta meningkatkan pemilikan aset bukan kewangan.

Selain daripada sudut ekonomi, TERAJU juga berperanan dalam aspek kesejahteraan hidup seperti pendidikan, kesihatan, sosial dan budaya, hidup dalam persekitaran yang selesa dan dinamik, serta mengangkat martabat Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi dengan penerapan aspek sosial melalui Transformasi Kesejahteraan Bumiputera (TKB).

Sehingga kini, TERAJU telah berjaya mencipta nilai sebanyak RM112 bilion untuk Bumiputera, mencipta lebih daripada 43,000 peluang pekerjaan, RM13.29 bilion pelaburan swasta Bumiputera dari Dana Mudahcara, serta mencatat sebanyak RM8.6 bilion modal pasaran daripada penyenaraian syarikat-syarikat Bumiputera di Bursa Malaysia.

Kerangka kejayaan TERAJU dibina menerusi kerjasama Unit Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (UPEB) di bawah 24 buah kementerian dan Jabatan Perdana Menteri. UPEB diselia oleh Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) yang diketuai oleh Perdana Menteri Malaysia. Inisiatif-inisiatif pula dilaksanakan bersama-sama dengan agensi kerajaan di pelbagai peringkat, koridor-koridor ekonomi, GLC/GLIC dan sektor swasta.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.teraju.gov.my](http://www.teraju.gov.my).